

Kerangka-Kerangka Kajian Lepas untuk Meneliti Protagonis Wanita dalam Filem Melayu

Previous Research Frameworks to Study Female Protagonist in Malay Films

NUR AZLIZA MOHD NOR & NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH

ABSTRAK

Para sarjana lazimnya mengangkat filem-filem U-Wei Haji Saari sebagai subjek kajian dalam meneliti pemaparan wanita dalam filem Melayu. Hampir kesemua protagonis wanita U-Wei dipaparkan bertentangan dengan norma-norma masyarakat Melayu dan hal ini menjadikan watak-watak wanitanya subjek kajian yang popular. Oleh itu, artikel ini memberi tumpuan kepada kerangka-kerangka kajian lepas yang diaplikasikan dalam meneliti empat filem U-Wei yang berprotagonis wanita iaitu Perempuan, Isteri &... (1993), Black Widow-Wajah Ayu (1994), Buai Laju-Laju (2004) dan Hanyut (2016). Antara penulisan pertama tentang protagonis wanita U-Wei pada tahun 1994 sehingga yang terakhir pada tahun 2019, terdapat 15 penulisan ilmiah yang mengaplikasikan pelbagai kerangka kajian untuk membincangkan protagonis wanita U-Wei. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan menjawab persoalan, 'apakah kerangka kajian yang diaplikasikan dalam meneliti filem-filem berprotagonis wanita U-Wei Haji Saari sehingga Jun 2019?'. Bagi menjawab persoalan tersebut sebuah penyelidikan fundamental dirangka dengan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajiannya. Analisis kandungan dilaksanakan terhadap bahan-bahan seperti artikel jurnal, buku dan tesis untuk memperoleh data. Dapatan dalam artikel ini adalah terdapat lebih 10 kerangka kajian yang diaplikasikan untuk meneliti pelbagai permasalahan tentang filem-filem U-Wei yang berprotagonis wanita. Antara kerangka yang diaplikasikan adalah teori feminisme, semiotik, psikologi budaya, psikoanalisis feminis, psikoanalisis Lacanian, nasionalisme, performative, fasisme, paradigma three act structure, model peletakan produk, elemen mise-en-scene, self-construal dan pendekatan Islam yang bersandarkan al-Quran dan hadis. Kerangka-kerangka kajian yang telah diaplikasikan ini bukan sahaja terbukti mampu menemukan jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan, malah turut membantu kefahaman terhadap protagonis wanita U-Wei dalam pelbagai dimensi.

Kata kunci: Filem Aliran Baharu Malaysia; Filem Melayu; kerangka kajian; korpus ilmu; U-Wei Haji Saari

ABSTRACT

U-Wei Haji Saari's films are usually picked by scholars as their subject to study the portrayal of female protagonists in Malay films. Almost all female protagonists by U-Wei are presented against the Malay society norms and this makes his female characters a popular research subject. Thus, this article focuses on previous research frameworks that were applied to analyze four of U-Wei's female protagonist films, namely Perempuan, Isteri &... (1993), Black Widow-Wajah Ayu (1994), Buai Laju-Laju (2004) dan Hanyut (2016). Between the first article written on U-Wei's female protagonist in 1994 until the last in 2019, there are 15 academic writings which employ various research frameworks to discuss U-Wei's female protagonists. Thus, this article intends to answer the question, 'what are the research framework employed to study U-Wei's female protagonist films up to June 2019?'. To answer this question a fundamental research was chosen with a qualitative research design. Content analysis is the main research instrument to gather data from journal articles, books, and thesis. The findings in this article is, there are more than 10 research frameworks employed to study various problems on U-Wei's female protagonist. Amongst them are feminism, semiotic, cultural psychology, feminist psychoanalysis, Lacanian psychoanalysis, nationalism, performative, fascism, paradigm three act structure, product placement model, mise-en-scene elements, self-construal and Islamic approach based on the al-Quran and hadis. These frameworks not only have proven its ability to produce answers, but also provide various dimensions to understand U-Wei's female protagonists.

Keywords: Malaysian New Wave Films; Malay film; research framework; corpus knowledge; U-Wei Haji Saari

PENGENALAN

Penulisan tentang watak wanita bukanlah sesuatu yang asing dalam bidang pengkajian filem Melayu. Dikatakan sedemikian kerana watak wanita diteliti dalam pelbagai perspektif dan genre filem seperti seram, melodrama, berunsurkan sejarah dan filem animasi kanak-kanak (Azlina & Jamaluddin 2013; Fuziah Kartini & Faridah 2004; Noor Aida & Nasihah 2015; Nur Nafishah 2015). Walau bagaimanapun, perbincangan terhadap watak wanita yang memegang peranan sebagai watak protagonis daripada pembikin filem U-Wei Haji Saari lebih popular dijadikan subjek kajian berbanding filem-filem daripada sutradara yang lain. Sedangkan, U-Wei bukanlah antara pengarah yang kerap menghasilkan filem kerana hampir tiga dekad penglibatannya dalam industri seni, beliau hanya menghasilkan sebanyak enam filem sahaja. Empat daripadanya adalah terdiri daripada filem berprotagonis wanita dan selebihnya adalah filem berprotagonis lelaki. Namun demikian, watak protagonis wanita U-Wei lebih cenderung dilakukan pengkajian dan ia dibuktikan menerusi penulisan-penulisan ilmiah yang telah dilakukan sebelum ini. Dengan ini, terdapat lapan penulisan yang membincangkan filem protagonis pertamanya iaitu *Perempuan, Isteri & ...* (1993). Sementara filem kedua dan ketiga protagonis wanitanya yang bertajuk, *Black Widow-Wajah Ayu* (1994) dan *Buai Laju-Laju* (2004) masing-masing adalah sebanyak tiga dan empat buah penulisan. Walau bagaimanapun, penulisan akademik terhadap filem terakhir U-Wei iaitu *Hanyut* (2016) yang sudah hampir mencecah tiga tahun selepas ditayangkan di pawagam Malaysia setakat ini didapati dalam satu penulisan tentang korpus ilmu sahaja. Selain itu, terdapat juga penulisan yang membincangkan tentang ketiga-tiga filem berprotagonis wanita U-Wei ini iaitu sebanyak empat buah penulisan. Dengan jumlah keseluruhan sebanyak 19 penulisan yang bermula pada tahun 1994 sehingga 2019, secara tidak langsung membuktikan bahawa filem-filem berprotagonis wanita U-Wei begitu mendapat perhatian daripada para sarjana tempatan mahupun di luar negara.

Sehubungan dengan itu, titik awal kepada pengkajian watak wanita U-Wei bermula apabila wanita pertamanya iaitu Zaleha dalam filem

Perempuan, Isteri & ... (1993) dipaparkan begitu seksual. Selain tajuk asalnya iaitu *Perempuan, Isteri & Jalang* yang mengundang sensitiviti golongan wanita, imej yang dianggap negatif dan keterlaluan pada watak tersebut seolah-olah telah menjatuhkan martabat mereka. Lanjutan itu, U-Wei berdepan dengan tuduhan dan kecaman daripada segelintir wanita yang tidak berpuas hati dengan wanita Melayu garapannya. Hanya disebabkan pandangan U-Wei terhadap watak wanitanya adalah berbeza berbanding pembikin-pembikin filem aliran baharu sebelum ini, maka beliau telah diberi julukan sebagai pengarah kontroversi Malaysia. Begitu juga dengan filem protagonis wanitanya yang seterusnya iaitu *Black Widow-Wajah Ayu* (1994) yang diterajui oleh watak Mas Ayu dan *Buai Laju-Laju* (2004) pula watak utamanya adalah Zaiton. Kedua-duanya masih tidak dapat dipisahkan dengan imej wanita luar bandar yang memegang peranan multidimensi dengan simbol seksualiti. Tambahan pula, tindakan ketiga-tiga watak wanitanya adalah agak bertentangan daripada norma-norma masyarakat Melayu dan Islam. Maka, tidak hairanlah jika watak-watak wanitanya seringkali mengundang kontroversi sehingga menjadi bahan polemik dan kritikan oleh penonton awam, para pengkritik, sarjana perfileman serta turut meraih perhatian daripada sebilangan sarjana dalam multi-disiplin yang lain. Sehingga kini, watak Zaleha terutamanya masih tidak dapat dilupakan biarpun sudah lebih 26 tahun yang lepas dipaparkan di layar perak. Kekuatan dan kelemahan pada watak tersebut menjadi perbandingan pula dengan filem-filem yang pernah dihasilkan oleh pengarah-pengarah lain. Bukan sahaja pada tahun 2000-an, seperti filem *Jalang* (2009) tetapi juga turut disamakan dengan filem *Semerah Padi* (1956) arahan Allahyarham Tan Sri. P. Ramlee (Anon 2009; Astro Awani 2014; Ngo 2010).

Oleh itu, pengkajian terhadap filem-filem berprotagonis wanita U-Wei dalam pelbagai aspek seperti imej, pembinaan watak protagonis, kemodenan, budaya, seksisme, *self-construal* dan identiti dianggap mempunyai signifikannya yang tersendiri (Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2018). Selain turut memberi ilmu dan pemahaman baharu dalam bidang pengkajian filem secara khususnya. Memandangkan sebanyak 15 daripada

19 penulisan tentang filem berprotagonis wanita U-Wei mengaplikasikan kerangka teori dan konsep sebagai alat analisis, maka wacana ini berhasrat menjawab persoalan kajian tentang ‘apakah kerangka kajian yang diaplikasikan dalam meneliti filem-filem berprotagonis wanita U-Wei Haji Saari sehingga Jun 2019?’. Selari dengan itu, objektif utama adalah untuk mengenal pasti kerangka analisis dalam kesemua penulisan ilmiah tentang filem-filem berprotagonis wanita U-Wei, sama ada yang telah lepas mahupun yang terkini.

SOROTAN LITERATUR

Penulisan deskriptif terawal tentang filem-filem arahan pengarah prolifik U-Wei ini sebenarnya sudah mula di dokumentasi sejak tahun 1993 oleh Lawrence Quek. Selepas itu, penulisan-penulisan berbentuk akademik mula dilakukan dan semakin bertambah bilangannya seiring dengan pertambahan filem-filem yang diarahkan oleh sutradara ini. Biarpun penulisan tentang filem-filem berprotagonis wanita lebih banyak dikaji, tetapi terdapat juga penulisan tentang filem-filem berprotagonis lelaki, di samping meneliti stail pembikinan atau pemikiran U-Wei sendiri (Anuar Nor Arai 2007; Fuziah Kartini & Raja Ahmad Alauddin 2012; Khoo 2002; Ngo 2003; Wan Hasmah & Md. Salleh 2015). Memandangkan wacana ini adalah perbincangan tentang filem-filem berprotagonis wanita U-Wei, maka didapati daripada sejumlah penulisan (Fatimah 2014; Hanita 2011; Heide 2002; Khoo 1999; Khoo 2006; Khoo 2010; Mohd Hafiz 2010; Ngo 2003; Ngo 2010; Noor Bazura & Abd Ghafar 2008; Nur Azliza et al. 2016; Nur Azliza et al. 2017; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2017; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2017; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2018; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2018; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2019; Wan Zawawi Ibrahim 2003) terdapat dua daripadanya yang membincangkan tentang kertas konsep (*paper concept*) iaitu korpus ilmu yang serupa sepertimana kajian ini.

Oleh yang demikian, bahagian sorotan literatur ini membahagikan perbincangan kepada tiga bahagian. Pertama; korpus ilmu tentang filem Melayu, kedua; korpus ilmu tentang filem-filem U-Wei Haji Saari dan ketiga; korpus ilmu secara umum atau dalam bidang yang hampir dengan kajian ini seperti kesusasteraan dan seni persembahan. Selari dengan itu, setakat ini terdapat

empat kajian yang relevan dengan artikel ini iaitu Fatimah & Nur Afifah Vanitha (2017), Fatimah et al. (2017), Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2017), Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2017) dan Nur Afifah Vanitha (2017) yang ditemui dalam artikel jurnal dan kertas kerja persidangan. Walau bagaimanapun, kertas kerja Fatimah & Nur Afifah Vanitha (2017) tidak diulas secara lanjut kerana kajiannya mempunyai persamaan dengan kertas kerja yang turut ditulis oleh Fatimah Muhd Shukri et al. (2017). Tambahan pula, pemilihan tersebut juga kerana kertas kerja Fatimah et al. (2017) membincangkan korpus ilmu dari tahun 1997 hingga 2017, sedangkan Fatimah & Nur Afifah Vanitha (2017) hanya setakat tahun 2015 sahaja.

Oleh itu, Fatimah et al. (1997) dengan kertas kerjanya iaitu “Korpus ilmu sinema nasional di Malaysia”, bertitik-tolak daripada permasalahan kajian tentang para sarjana di Malaysia yang tidak terkecuali mengangkat subjek sinema Malaysia sebagai sebuah perbincangan. Dengan itu, persoalan kajiannya adalah ‘apakah korpus ilmu yang telah dirakamkan dalam kajian-kajian lepas tentang sinema nasional di Malaysia setakat 2017?’. Kajiannya bersandarkan kepada kajian kualitatif dan analisis kandungan adalah instrumen untuk membincangkan semula penulisan-penulisan lepas yang berkaitan dengan tajuk kertas kerjanya. Dapatan yang diperolehnya adalah terdapat empat perspektif yang menjadi fokus 16 penulisan yang ditemuinya iaitu budaya, kemodenan, wanita dan hegemoni (pengaruh). Penulis ini juga mengesahkan bahawa penulisan tentang sinema nasional dari tahun 1997 sehingga 2017 adalah amat sedikit jumlahnya kerana perbezaannya adalah begitu ketara iaitu sebanyak 20 tahun. Titik keserupaan kedua-dua kajian ini apabila mengumpulkan data melalui sumber sekunder yang dianggap relevan untuk kajian tentang korpus ilmu. Perbezaannya pula apabila kajiannya mempunyai skop yang lebih luas iaitu sinema nasional, sedangkan kajian ini pula skopnya adalah lebih khusus apabila hanya menetapkan penulisan tentang filem-filem berprotagonis wanita U-Wei sahaja. Sumbangan kajiannya terhadap kajian ini secara tidak langsung membantu dalam mengkategorikan filem-filem U-Wei yang tergolong dalam sinema nasional, sama ada terarah kepada filem berprotagonis wanita atau lelaki.

Artikel tentang “Filem sebagai wadah komunikasi: Sorotan kajian lepas karya U-Wei Haji Saari” dilaksanakan oleh Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2017). Kajian tersebut mengumpulkan

sejumlah kajian lepas tentang keenam-enam filem arahan U-Wei pada tahun 2017 yang terdiri daripada penulisan tentang filem pertama U-Wei iaitu *Perempuan, Isteri & ...* (1993) sehinggalah filem terakhirnya iaitu *Hanyut* (2016). Tujuan wacananya dilaksanakan adalah untuk menjawab persoalan, ‘apakah subjek, kerangka teori dan dapatan-dapatan kajian lepas tentang filem-filem arahan U-Wei?’. Penemuan mendedahkan biarpun terdapat pelbagai perspektif yang digunakan untuk membincangkan filem-filem U-Wei, namun imej wanita yang dipaparkan pembikin ini cenderung diberi tumpuan. Seiring dengan itu, teori feminisme lebih banyak diaplikasikan sebagai kerangka analisis berbanding teori-teori yang lain. Persamaan kedua-dua artikel apabila memilih metodologi kajian yang serupa. Sementara, perbezaannya pula apabila kajiannya mengkategorikan filem U-Wei yang terakhir iaitu *Hanyut* (2016) sebagai filem berprotagonis lelaki. Namun begitu, untuk kajian ini yang lebih mendasar sifatnya, filem terakhir U-Wei tersebut dikategorikan sebagai filem berprotagonis wanita. Hal ini demikian kerana watak Mem lebih terserlah sebagai watak protagonis, manakala watak Almayer dikategorikan sebagai watak antagonis. Kajian ini besar sumbangannya apabila menyediakan data tentang penulisan ke atas filem-filem arahan U-Wei, dari awal sehingga tahun 2017 apabila jangka masa tersebut termasuk dalam skop kajian pengkaji.

Sekali lagi, Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2017) dalam kertas kerjanya iaitu “Korpus ilmu filem-filem U-Wei Haji Saari” mengumpulkan kesemua penulisan-penulisan lepas tentang keenam-enam filem arahan U-Wei. Persoalan kajian yang ingin dicapai dalam kajiannya adalah ‘apakah subjek, kerangka kajian dan dapatan kajian-kajian lepas tentang filem-filem arahan U-Wei setakat 2016?’. Kajiannya merupakan kajian penyelidikan kualitatif dan analisis kandungan dilakukan terhadap bahan-bahan yang berkaitan bagi tujuan memperoleh data. Penemuan kajiannya adalah terdapat sejumlah kajian yang ekstensif terhadap filem-filem U-Wei terutamanya tentang pemaparan wanita sebagai watak protagonis. 10 penulisan tersebut mencakupi pelbagai aspek iaitu semiotik, seksualiti, identiti, adat, budaya, peletakan produk, kemodenan dan wanita, pembinaan watak protagonis wanita, imej wanita, adaptasi, aspek teknikal dan seksisme yang didokumentasikan dalam penulisan berbentuk akademik dan penulisan popular. Lanjutan itu, kedua-dua kajian serupa apabila hanya tertumpu kepada filem-filem

daripada U-Wei sahaja. Perbezaannya pula apabila kajiannya merungkaikan persoalan tentang subjek, kerangka teori dan dapatan-dapatan kajian lepas dalam penulisan berbentuk ilmiah dan deskriptif. Sedangkan kajian ini pula hanya tertumpu kepada penulisan-penulisan berbentuk akademik yang didapati lebih relevan untuk menemukan kerangka analisis yang diaplikasikan sebelum ini. Sungguhpun begitu, kajiannya ini mempunyai jurang ilmu dari sudut perbincangan kerangka analisis sehingga terlaksananya kajian ini yang lebih mendasar sifatnya.

Seterusnya, Nur Afifah Vanitha (2017) dalam artikel jurnalnya yang berjudul “Sorotan literatur bangsawan di Malaysia 1960-2017” dengan persoalan kajian tentang ‘apakah korpus ilmu tentang bangsawan di Malaysia setakat tahun 2017?’. Kajiannya adalah berbentuk *fundamental* dan kaedah kualitatif diguna pakai untuk memperoleh data bagi artikelnya. Penulis ini mendapati bahawa kajian dan dokumentasi tentang bangsawan di Malaysia telah dilaksanakan kira-kira lebih 40 tahun yang lalu. Maka, pembahagian korpus ilmu yang sedia ada tentang bangsawan di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua. Pertama; skop lokasi kajian termasuklah di Tanah Melayu dan Singapura, serta kedua; berkenaan persembahan bangsawan di Sarawak. Dapatan artikelnya turut mengesahkan bahawa penulisan-penulisan sebelum ini telah membincangkan pelbagai aspek. Hal ini termasuklah dari sudut latar belakang sejarah dan perkembangan, lakonan, konvensi teater, muzik, proses persembahannya serta usaha intervensi teknologi untuk memulihara teater ini. Titik persamaan kedua-dua kajian ini apabila memilih metode yang serupa iaitu penyelidikan kualitatif. Perbezaannya yang begitu ketara apabila kajiannya tertumpu kepada aspek-aspek yang dikaji oleh penulisan-penulisan lepas, manakala kajian ini adalah tentang kepelbagaian kerangka analisis yang pernah diaplikasikan oleh para sarjana. Meskipun begitu, kajiannya ini adalah begitu signifikan apabila menyumbang idea kepada kajian korpus ilmu dalam konteks filem, yang jarang sekali dilakukan oleh para sarjana dalam bidang pengkajian filem di Malaysia.

Berdasarkan sorotan literatur yang dibincangkan ini, masih terdapat kelompangan tentang korpus ilmu terhadap filem-filem arahan U-Wei. Dikatakan sedemikian kerana sebelum ini terdapat penulisan-penulisan yang mengkaji tentang kerangka teori, namun artikel tersebut hanya sekadar menyatakan sahaja teori yang diaplikasikan secara sepintas

lalu. Memandangkan kerangka analisis amat dipentingkan dalam mana-mana bidang pengkajian untuk menjadikan kajian tersebut adalah bernilai dan diyakini kesahihannya, maka kajian ini tertumpu kepada kerangka analisis berserta senarai konsep-konsep yang diaplikasikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan asas dan bersandarkan kepada penyelidikan kualitatif. Kajian kepustakaan dan rujukan atas talian dengan memuat turun penulisan-penulisan yang berkaitan dengan kajian ini dipilih untuk mengumpul segala maklumat yang relevan dengan topik yang diperbincangkan ini. Analisis kandungan pula digunakan untuk menganalisis bahan-bahan yang terdiri daripada artikel jurnal, tesis, latihan ilmiah, bab dalam buku, artikel dalam majalah serta akhbar. Bahan-bahan tersebut adalah berkenaan latar belakang U-Wei dan penulisan-penulisan tentang filem-filem yang diterajui oleh protagonis wanita dan lelaki U-Wei. Tidak ketinggalan juga penulisan-penulisan tentang korpus ilmu yang merangkumi filem Melayu, filem-filem U-Wei mahupun korpus ilmu secara umum. Walau bagaimanapun, penekanan lebih diberikan kepada bidang yang hampir dengan bidang kajian ini. Oleh yang demikian, berdasarkan metodologi yang dipilih ini data yang dikumpulkan dianalisis terlebih dahulu agar menepati objektif kajian awal yang dirangka.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan sorotan literatur yang dinyatakan, meskipun terdapat sejumlah penulisan yang membicarakan tentang filem-filem protagonis wanita U-Wei, namun tidak kesemua penulisan-penulisan tersebut dianalisis dan diperbincangkan. Hal ini demikian kerana analisis dan perbincangan hanya tertumpu ke atas penulisan berbentuk akademik yang turut mengaplikasikan kerangka analisis sebagai landasan kajian. Sementara itu, latihan ilmiah di peringkat Ijazah Sarjana Muda sepertimana yang disempurnakan oleh Kartina Dollah (1994) dengan tajuk “Imej wanita jalang di layar perak: Kajian kes *Perempuan, Isteri & ...?* arahan U-Wei Haji Saari: Satu pendekatan semiotik dan psikoanalisis” juga tidak diambil kira dalam perbincangan ini. Bersesuaian dengan tahapnya,

kajian tersebut didapati masih kurang mendasar dan terperinci. Begitu juga dengan kajian-kajian tentang filem *Hanyut* (2016) yang menjadi filem terakhir U-Wei setakat ini. Meskipun, *Hanyut* adalah terdiri daripada filem berprotagonis wanita, tetapi selepas filem tersebut ditayangkan di layar perak, masih belum terdapat sebarang penulisan akademik tentang filem tersebut. Oleh itu, perbincangan hanya terbahagi kepada empat kategori sahaja. Bahagian pertama; filem *Perempuan, Isteri & ...* (1993), bahagian kedua; filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994), bahagian ketiga; filem *Buai Laju-Laju* (2004) dan bahagian keempat; terdiri daripada penulisan-penulisan yang membincangkan lebih daripada satu filem protagonis wanita U-Wei. Hal ini bermakna penulisan akademik tentang filem-filem protagonis wanita U-Wei sehingga Jun 2019, hanya merangkumi tiga filem protagonis wanita U-Wei sahaja. Dengan itu, pembahagian yang dirangka ini adalah bersesuaian untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian dengan lebih rinci dan komprehensif.

PEREMPUAN, ISTERI & ... (1993)

Bahagian pertama ini merangkumi penulisan-penulisan tentang filem protagonis sulung U-Wei iaitu *Perempuan, Isteri ...* (1993) yang diterajui oleh watak Zaleha. Sehubungan dengan itu, penulisan-penulisan tentang filem ini ditemui dalam artikel jurnal, buku, bab dalam buku, kertas kerja di persidangan, tesis di peringkat Sarjana Sastera dan Ijazah Doktor Falsafah. Sungguhpun demikian, enam penulisan yang mengaplikasikan kerangka analisis ditemukan sekitar penghujung tahun 1990-an dan sehingga penghujung tahun 2010-an. Bukan sahaja dilaksanakan oleh penulis-penulis tempatan (Khoo 2006; Khoo 1999; Fatimah 2014; Ngo 2011; Nur Azliza et al. 2017), bahkan seorang daripadanya adalah penulis dari luar negara (Heide 2002).

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga penulisan oleh Zawawi (2004) dalam artikelnya yang berjudul, “On Erma Fatima’s the last Malay woman: Gendering discourses on reclaiming Malayness in the new Malaysian cinema”. Penulis ini telah menyentuh serba sedikit tentang watak Zaleha dengan menyatakan bahawa sebenarnya watak tersebut disuntik oleh sutradara U-Wei sebagai wanita Barat (seksual). Namun begitu, secara luarannya pula watak Zaleha terselindung di sebalik pakaian serta perilaku wanita Timur. Sekali lagi, Zawawi (2009) dalam kertas kerja persidangannya

yang berjudul, "Contesting 'nation': Renegotiating identity and multiculturalism in the new Malaysian cinema" turut menyatakan bahawa watak Zaleha sebagai 'pelacur' adalah bertentangan dengan wanita Melayu tradisional yang setia, subordinat dan suci. Walau bagaimanapun, penulisan-penulisan Zawawi tersebut hanya dinyatakan sahaja tanpa diperbincangkan dengan lebih lanjut. Hal ini demikian kerana artikelnya yang pertama lebih menumpukan kepada watak wanita dalam filem *Perempuan Melayu Terakhir* (1999) iaitu Mustika, arahan Erma Fatima. Dalam penulisan yang kedua pula watak Zaleha hanya dijadikan sebagai contoh kerana penulisannya lebih tertumpu kepada idea-idea tentang evolusi sinema baharu Malaysia. Biarpun begitu, terdapat artikel daripada Wan Zawawi (2003) yang membincangkan watak Zaleha secara terperinci sebagaimana dalam artikelnya, "The search for a 'new cinema' in post-colonial Malaysia: the films of U-Wei bin Haji Saari as counter-narrations of national identity". Penulisannya mendapati bahawa watak Zaleha berjaya menguasai lelaki-lelaki di sekelilingnya, sama ada suami, kekasih, mahupun lelaki-lelaki asing dan akhirnya membawa kepada perilaku yang melampaui batas sebagai seorang wanita Melayu. Memandangkan penulisannya berbentuk artikel dalam majalah, maka penulisannya turut tidak diambil kira kerana sudah jelas tidak bersandarkan kepada mana-mana kerangka analisis.

Khoo (2006) dalam bukunya, "*Reclaiming Adat: Contemporary Malaysian Film and Literature*", dengan pernyataan masalahnya tentang jejak animisme dan Hindu dalam adat Melayu yang menjadi perbalahan bagi kebangkitan Islam di Malaysia pada tahun awal 1990-an. Sehubungan dengan itu, pengkaji ini menggunakan analisis teks secara mendalam terhadap filem-filem dan bahan-bahan kesusasteraan yang terpilih. Selain filem U-Wei, kajiannya turut meneliti filem-filem daripada tiga pembikin tempatan yang lain iaitu Shuhaimi Baba, Adnan Salleh dan Erma Fatima serta karya-karya daripada penulis Shahnun Ahmad, Karim Raslan, Dina Zaman dan Salleh Ben Joned. Bagi merungkakan permasalahan kajiannya, pelbagai kerangka analisis yang terdiri daripada teori *Lacanian psychoanalysis*, *nationalism*, *performative*, *psychoanalytical* dan feminisme yang membawa kepada kajian inter-disiplin dalam bidang-bidang seperti gender, psikoanalisis, antropologi dan sosiologi diaplikasikan. Hasil daripada kajiannya telah menunjukkan bahawa pembikin-pembikin dan penulis-penulis tersebut

berusaha untuk menyesuaikan adat yang di representasi mereka sesuai dengan landasan Islam. Dapatan yang seterusnya juga mengesahkan bahawa kemodenan yang bakal di kecapi negara secara tidak langsung membantu usaha dalam mengembalikan semula adat, sama ada dalam bentuk medium filem atau dengan penghasilan bahan-bahan berbentuk kesusasteraan.

Seterusnya, Heide (2002) dengan bukunya yang bertajuk, "*Malaysian Cinema, Asian Film: Border Crossings and National Cultures*" dengan masalah kajiannya tentang filem-filem di Malaysia yang dikatakan berbeza daripada tradisi sinema Malaysia sebelum ini. Metodologi kajian yang dipilihnya adalah gabungan antara analisis teks dan budaya. Lanjutan itu, kajiannya bersandarkan kepada beberapa konsep misalnya, identiti budaya dan sinema nasional. Dapatan ke atas perbincangannya menunjukkan bahawa filem *Perempuan, Isteri & ...* (1993) adalah sangat luar biasa daripada teks budaya kerana Zaleha digambarkan sebagai anak gadis dan wanita yang cukup berani, tidak mengakui kesilapannya, malahan tidak sesekali tunduk kepada *voyeuristic* lelaki. Secara keseluruhannya, penulis ini mendapati bahawa filem Malaysia telah mencerminkan kepelbagaian yang luar biasa, terutamanya dalam memberi kesan kepada sinema luar seperti India dan Hong Kong. Selain itu, filem-filem Malaysia yang dikaji penulis ini telah menyerlahkan lagi kerumitan budaya yang berlaku dan secara tidak langsung mempamerkan ketegangan antara kepelbagaian budaya serta mewujudkan keunikan etnik.

"Gender, modernity and the nation in Malaysian literature and film (1980s and 1990s)" pula adalah tesis Doktor Falsafah yang disempurnakan oleh Khoo (1999). Penulis ini cuba memperlihatkan sejauh mana kemodenan, kepesatan industri, idea-idea Barat tentang nasionalisme dan emansipasi wanita, memberi impak ke atas gender atau hubungan gender dalam medium filem dan hasil kesusasteraan di Malaysia. Analisis tekstual dilakukan ke atas karya-karya penulis kelas pertengahan dan filem-filem pengarah dalam era aliran baharu. Pengkaji ini bersandarkan kepada kerangka analisis yang dikemukakan oleh Benedict Anderson's & Partha Chatterjee's tentang nasionalisme, Bhaba's tentang *performative* dan *pedagogical*, teori psikoanalisis Lacanian tentang subjek atau individu dengan *althusserian marxism* untuk memperlihatkan fenomena sosiobudaya, teori fasisme tentang *fascist virilities* dan tidak terkecuali, teori feminisme. Penemuan kajiannya

mendapati filem-filem dan hasil kesusasteraan karya daripada sesetengah orang Melayu mencerminkan keinginan yang kuat untuk memulihkan adat Melayu. Pada masa yang sama, penulis ini mendapati bahawa mereka berusaha untuk mengekalkan identiti sendiri, keunikan dan kemodenan yang berbeza daripada Barat. Selain itu, dapatan turut mendedahkan bahawa para pengeluar dan pengarang filem lelaki telah menggambarkan kemodenan meninggalkan kesan negatif kepada wanita. Sedangkan, bagi pengeluar dan pengarang wanita pula mereka menggambarkan wanita cukup selesa dengan kemodenan.

Tesis Sarjana Sastera yang dilaksanakan oleh Fatimah (2014), “Dramaturgi filem: Peletakan produk dalam naratif filem-filem Melayu dan Hollywood” dengan permasalahan yang dikenal pastinya adalah tentang peletakan produk yang diletakkan secara tidak bersistematik merupakan penyebab kepada gangguan naratif filem. Kajian ini mengguna pakai kaedah *mix methods* iaitu kualitatif dan kuantitatif dengan analisis kandungan terhadap lima filem Melayu dan lima filem *Hollywood* yang masing-masing mewakili lima era. Oleh itu, kajiannya berpandukan kepada teori *three act-structure* yang dikemukakan oleh Syd Field iaitu *act 1: set-up, act 2: confrontation, dan act 3: resolution*. Di samping itu, kajiannya turut mengaplikasikan model peletakan produk yang disarankan oleh Russel & Shapiro. Sehubungan dengan itu, dapatan mengesahkan bahawa kebanyakan filem Melayu yang dikajinya tidak menunjukkan pengaplikasian produk secara langsung kepada para penonton terutamanya pada awal dekad 1960-an sehingga penghujung 1980-an. Hal ini diperkukuhkan melalui filem-filem seperti *Madu Tiga* (1964) dan *Adik Manja* (1980). Pengkaji ini turut mendedahkan bahawa industri perfileman Malaysia masih lagi menimba pengetahuan tentang kaedah-kaedah pembikinan dan pemasaran filem luar sepertimana industri perfileman *Hollywood*.

Bab dalam buku yang berjudul, “Pembentukan seksualiti dalam filem U-Wei Haji Saari: Satu analisis psikoanalisis feminis terhadap filem *Perempuan, Isteri & ...*” telah dilaksanakan oleh Ngo pada tahun 2011. Permasalahan kajiannya adalah terdapat percanggahan antara jalan cerita dengan mekanisme formal. Kajiannya melakukan analisis tekstual dengan menumpukan kepada watak Zaleha yang bermula pada peringkat struktur naratif dan penyusunan visual. Lanjutan itu, kajiannya telah mempertimbangkan teori

psikoanalisis feminis yang diutarakan oleh Laura Mulvey yang diperjelaskan dalam esei bertajuk, *Visual Pleasure and Narrative Cinema*. *Fetisyisme, voyeurisme, sadisme* dan ‘renungan maskulin’ adalah empat konsep yang diaplikasikan dalam kajiannya. Di samping itu, pengkaji ini turut memilih konsep sandiwara yang diperkatakan oleh Mary Ann Doane (1991) dalam percubaan untuk membantu merungkaikan permasalahan kajiannya. Dengan ini, dapatan kajiannya menemukan bahawa terdapat percanggahan makna teks filem dalam *Perempuan, Isteri & ...* dari sudut feminisme. Oleh sebab itu, pengkaji ini tidak dapat menolak bahawa pengakhiran filem tersebut telah mengembalikan kembali sifat ideal ‘kebapaan’ atau maskulin yang ditunjangi oleh watak Amran. Lebih penting lagi, dapatan mengesahkan bahawa watak Zaleha masih gagal mencabar representasi wanita yang lumrah digambarkan dalam filem-filem Melayu sebelum ini.

“Pemaparan kognisi dan emosi watak wanita Melayu U-Wei Haji Saari dalam *Perempuan, Isteri & ...* (1993)” adalah kertas kerja persidangan yang telah disempurnakan oleh Nur Azliza et al. (2017). Permasalahan kajiannya adalah tentang watak protagonis Zaleha yang berkelakuan menyimpang daripada norma-norma masyarakat dan ketetapan agama kerana disuntik dalaman Zaleha oleh sutradaranya sebagai wanita Barat. Oleh itu, persoalan kajian kepada permasalahan tersebut ialah ‘apakah bentuk *self-construal* watak protagonis wanita Melayu yang dipaparkan oleh U-Wei dalam filem *Perempuan, Isteri & ...*?’. Kajiannya merupakan kajian penyelidikan kualitatif dan instrumen utama untuk memperoleh data adalah menerusi analisis kandungan. Bagi merungkaikan permasalahan tersebut, kertas kerjanya mengaplikasikan dua konsep dalam teori *self-construal* yang dikemukakan oleh Markus & Kitayama (1991). Konsep-konsep tersebut adalah *independent self-construal* dan *interdependent self-construal* yang mempunyai perbezaan kesan khusus (pola kognisi, bentuk emosi dan motivasi) terhadap budaya Barat dan Timur. Kajiannya mendapati bahawa watak Zaleha yang di representasi sebagai wanita Melayu Islam mempunyai kedua-dua bentuk *self-construal* seperti yang digariskan oleh ahli teori tersebut. Sungguhpun demikian, secara keseluruhannya dapatan mengesahkan bahawa dari sudut dalaman (psikologi), watak Zaleha lebih cenderung ke arah model wanita Barat iaitu *independent self-construal* berbanding Timur.

BLACK WIDOW-WAJAH AYU (1994)

Bahagian kedua ini pula merangkumi penulisan-penulisan tentang filem protagonis kedua U-Wei iaitu *Black Widow-Wajah Ayu* yang ditunjangi oleh watak Mas Ayu. Penulisan-penulisan tentang filem daripada adaptasi novel *Black-Widow* hasil karya Raja Azmi Raja Sulaiman ini diperolehi dalam penulisan artikel jurnal dan kertas kerja di persidangan (Nur Azliza et al. 2016; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2018; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2019). Ketiga-tiga penulisan tersebut dihasilkan oleh penulis tempatan yang sama. Walau bagaimanapun, dalam bahagian ini hanya penulisan Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2018 dan Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2019) yang diperbincangkan dengan lebih rinci. Hal ini demikian kerana kertas kerja daripada Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2018), secara terang-terangan mengaplikasikan kerangka analisis yang berbeza daripada dua penulisan tersebut. Sementara penulisan oleh Nur Azliza et al. (2016) dan Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2019), masing-masing mengaplikasikan kerangka analisis yang serupa iaitu *sisterhood political solidarity*. Walaupun begitu, penulisan daripada Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2019) dipilih berbanding penulisan Nur Azliza et al. (2016) memandangkan penulisannya dalam artikel jurnal lebih jelas dan menyeluruh berbanding penulisannya dalam kertas kerja di persidangan.

Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2019) dalam artikel jurnalnya yang bertajuk “Sisterhood political solidarity dalam Black Widow-Wajah Ayu (1994) arahan U-Wei Haji Saari” dengan permasalahan kajiannya tentang pandangan masyarakat sekeliling dalam filem tersebut terhadap watak Mas Ayu yang mempunyai latar belakang sebagai anak luar nikah. Artikelnya menjawab persoalan tentang ‘bagaimanakah struktur institusi sosial masyarakat Melayu menjadi dasar kepada bentuk-bentuk seksisme yang dialami oleh watak protagonis Mas Ayu dalam filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994)?’. Kajiannya bersandarkan kepada penyelidikan kualitatif dan instrumen untuk memperoleh data adalah menerusi analisis kandungan terhadap filem ini dan bahan-bahan yang berkaitan. Teori *sisterhood political solidarity* di bawah teori feminisme yang dikemukakan oleh Bell Hooks (1993) dalam esainya, *Sisterhood political solidarity between women* dipilih sebagai alat kajian. Dengan itu, kajiannya mengaplikasikan dua konsep iaitu pertama; struktur institusi sosial yang

berasaskan sistem patriarki yang dikatakan sebagai punca kepada ketidakadilan terhadap wanita, dan kedua; seksisme yang merupakan halangan kepada wanita-wanita untuk bersatu, yang terdiri daripada tiga elemen iaitu eksploitasi, diskriminasi dan penindasan. Dapatan mengesahkan bahawa selari dengan pandangan yang dikemukakan Hooks, watak Mas Ayu merupakan mangsa kepada seksisme yang berpunca daripada struktur institusi sosial yang lemah dan tidak terkawal seperti institusi keluarga, pendidikan, politik, ekonomi dan keagamaan. Secara keseluruhannya, penulis ini turut mendapati seksisme yang hadir dalam kehidupan Mas Ayu lebih banyak berlaku dalam hubungannya dengan lelaki iaitu rakan sebaya, kenalan dan kekasih berbanding hubungannya dengan sesama wanita.

Dalam dimensi yang lain pula, Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2018) dalam kertas kerja persidangannya yang berjudul, “Self-construal watak protagonis wanita sebagai seorang anak dalam Black Widow-Wajah Ayu (1994)” dengan permasalahan kajiannya tentang watak Mas Ayu yang di representasi sebagai seorang yang berkerjaya tetapi bergelar anak ‘tak sah taraf’ dan mengamalkan pula cara hidup bebas. Persoalan kajiannya adalah ‘apakah *self-construal* watak Mas Ayu sebagai seorang anak dalam *Black Widow-Wajah Ayu*?’. Kajiannya adalah jenis *fundamental* dengan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Instrumen utama kajian bagi mengumpul data adalah menerusi temu bual dengan pembikin filem U-Wei, di samping analisis kandungan terhadap filem ini dan bahan-bahan daripada kajian kepustakaan. Teori *self-construal* yang dikemukakan oleh Markus & Kitayama (1991) dipilih sebagai alat analisis dengan mengaplikasikan kedua-dua konsep iaitu *independent self-construal* (Barat) dan *interdependent self-construal* (Timur). Kajiannya turut mengaplikasikan pendekatan Islam iaitu tanggungjawab sebagai seorang anak terhadap ibu bapa berlandaskan al-Quran dan hadis. Oleh itu, dapatan kajian mendedahkan bahawa biarpun watak protagonis Mas Ayu bergelar anak luar nikah dan mengamalkan gaya hidup yang bebas, tetapi hal tersebut tidak menjadi bebanan dan halangan buat Mas Ayu apabila masih memikul tanggungjawab terhadap ibunya, Aton. Dengan itu, kajiannya mengesahkan bahawa watak Mas Ayu sebagai seorang anak secara keseluruhannya dikategorikan sebagai *interdependent self-construal*.

BUAI LAJU-LAJU (2004)

Bahagian yang ketiga ini pula merangkumi penulisan-penulisan tentang filem ketiga U-Wei iaitu *Buai Laju-Laju* (2004) yang digalas oleh watak Zaiton. Sepertimana filem kedua U-Wei, filem ini juga merupakan adaptasi daripada novel, *The Postman Always Rings Twice* hasil karya James M. Cain. Penulisan tersebut diperoleh daripada artikel jurnal dan tesis di peringkat Sarjana (Khoo 2010; Noor Bazura & Abd. Ghafar 2008; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2019; Mohd Hafiz 2010). Ketiga-tiga penulisan yang diperbincangkan ini di dokumentasi bermula pada penghujung tahun 2000-an sehingga tahun 2010. Selain itu, didapati juga kesemua penulis ini adalah terdiri daripada penulis-penulis dari Malaysia yang mengkaji bukan sahaja tentang filem *Buai Laju-Laju*, bahkan filem-filem protagonis lelaki U-Wei yang lain.

“Gendering old and new Malay through Malaysian auteur filmmaker U-Wei Haji Saari’s literary adaptations, *The Arsonist* (1995) and *Swing My Swing High, My Darling* (2004)” adalah artikel yang dilakukan oleh Khoo (2010). Permasalahan kajiannya adalah tentang pemikiran pengarah U-Wei mengenai masyarakat Melayu dalam menuju pembangunan, kemajuan, perubahan sosial dan nilai budaya. Kajiannya bersandarkan kepada analisis teks secara mendalam terhadap kedua-dua filem yang ditunjangi oleh protagonis lelaki dan wanita ini. Maka, kajiannya telah memilih konsep *femme fatale* yang menguasai *authentic Malay male subject* atau dalam terma noir yang bermakna anti-hero. Di samping itu, kajian turut mengaitkan elemen-elemen *mise-en-scene* dan ruang bingkai dengan filem-filem ini. Oleh itu, penulis ini mendapati bahawa kedua-dua filem ini secara tidak langsung telah memaparkan idea pencapaian dan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermula pada tahun 1971 hingga 1990. Dapatan turut mendedahkan bahawa kedua-dua filem ini turut mempamerkan tentangan terhadap identiti kaum Melayu menerusi ‘pergerakan’ dan ‘stasis’. Kemenangan yang diperoleh *femme fatale* berbanding anti-hero dalam filem *Buai Laju-Laju* dikatakan penulis ini sebagai satu bentuk kritikan terhadap aspek sosial dan moral pihak kapitalis.

Artikel yang berjudul, “Filem *Buai Laju-Laju* arahan U-Wei Haji Saari: Satu analisis semiotik” telah dilaksanakan oleh Noor Bazura & Abd. Ghafar (2008) dengan merungkaikan permasalahan kajiannya sama ada filem protagonis ketiga U-Wei ini mempamerkan fungsi props dan latar set yang

melampaui fungsi realis atau sebagai imej *diegetic* yang hanya wujud dalam filem semata-mata. Oleh itu, kajiannya berbentuk penyelidikan kualitatif dengan data diperoleh melalui analisis kandungan terhadap sumber sekunder mahupun analisis teks filem. Kajiannya berpandukan kepada teori semiotik yang dianjurkan oleh Metz & Wollen dengan mengaplikasikan elemen-elemen seperti tanda, kod, ikon, dan signifier yang dikatakan wajar dalam merungkaikan permasalahannya. Hasil kajiannya mendapati bahawa penggunaan prop antaranya seperti *Majalah Hai*, payung, foto, mural dan set buaian secara tidak langsung membantu dalam menyumbang kepada pembinaan tiga tema filem. Antaranya ialah feminisme, kasih sayang dan pengkhianatan. Penulis ini turut mendapati bahawa dengan kehadiran tanda-petanda tersebut secara tidak langsung dapat membantu dalam membaca filem secara holistik. Dapatan terakhir menunjukkan bahawa latar set dan prop yang diguna pakai adalah selari dengan penggunaannya, sekali gus sejajar dengan tanda-petanda yang terkandung dalam semiotik.

Artikel jurnal yang bertajuk, “Self-construal watak protagonis wanita dalam filem Melayu” telah dilakukan oleh Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2019) dengan permasalahan kajiannya tentang watak-watak protagonis wanita pengarah U-Wei yang lazimnya dipaparkan bertentangan dengan budaya dan agama masyarakat Melayu Islam. Data bagi kajiannya ini diperoleh dari kajian jenis penyelidikan asas dengan reka bentuk kajian kualitatif. Instrumen utama kajian adalah temu bual dengan U-Wei, selain analisis kandungan terhadap filem *Buai Laju-Laju* dan bahan-bahan yang berkenaan dengan topik perbincangannya. Kajiannya mengaplikasikan teori *self-construal* yang dikemukakan oleh Markus & Kitayama (1991), dengan mengaplikasikan dua konsep iaitu *independent self-construal* dan *interdependent self-construal* yang setiap satunya mempunyai kesan khusus kepada pola kognisi, emosi serta motivasi. Memandangkan kajiannya adalah tentang wanita Melayu beragama Islam, maka peranannya sebagai wanita diteliti berpandukan al-Quran dan hadis. Dapatan kepada artikel ini adalah Zaiton dalam filem *Buai Laju-Laju* lebih banyak bersandarkan kepada dirinya sendiri tanpa mengambil kira segala bentuk pandangan, perasaan dan matlamat bersama-sama individu lain. Secara keseluruhannya, tindakan Zaiton yang lebih berpihak dan memberi keuntungan kepada dirinya sendiri dengan peranan sebagai anak, isteri

dan anggota masyarakat lebih terarah kepada *self-construal* Barat.

Seterusnya, Mohd Hafiz (2010), dalam tesis sarjannya telah menjalankan kajian tentang “*Mise-en-scene* dalam filem U-Wei Haji Saari: Kaki Bakar dan Buai Laju-Laju” dengan percubaan untuk menyelesaikan masalahnya tentang paparan visual yang menterjemahkan dan memperkukuhkan perjalanan cerita. Kajiannya merupakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan instrumen utamanya untuk mengumpulkan data adalah menerusi analisis kandungan. Dengan itu, kajian ini berpandukan kepada elemen *mise-en-scene* yang dijelaskan oleh Bordwell & Thompson dalam bukunya yang berjudul, *Film Arts: An Introduction*. Selain itu, kajiannya turut bersandarkan kepada penulisan-penulisan oleh Pramaggiore dan Wallis yang diambil dalam buku *Film: A Critical Introduction* dan pemikiran-pemikiran yang dibawakan oleh ahli teori, Arnheim. Aspek-aspek yang dikupas dalam kajiannya terdiri daripada empat elemen utama iaitu set penggambaran dan prop (*setting* dan *props*), pakaian dan solekan (*costume* dan *makeup*), pergerakan tubuh dan ekspresi wajah (*movement* dan *expression*) dan pencahayaan (*lighting*). Sehubungan dengan itu, dapatan kajiannya menunjukkan bahawa visual-visual yang dipaparkan dalam kedua-dua filem U-Wei ini membantu dalam memperkukuhkan naratif filem sepertimana yang digariskan oleh Bordwell & Thompson, Pramaggiore & Wallis, serta Arnheim.

PEREMPUAN, ISTERI & ... (1993), BLACK WIDOW-
WAJAH AYU (1994) DAN BUAI LAJU-LAJU (2004)

Bahagian keempat merupakan bahagian terakhir dalam artikel ini yang merangkumi penulisan-penulisan yang mengkaji lebih daripada satu filem protagonis wanita U-Wei. Setakat ini, didapati hanya empat penulisan sahaja yang masing-masing mengkaji tentang dua dan tiga filem protagonis wanita U-Wei. Penulisan-penulisan tersebut ditemukan dalam artikel jurnal, penulisan tesis di peringkat sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah serta kertas kerja persidangan iaitu oleh Hanita (2011), Ngo (2003), Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2017) dan Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2017). Walau bagaimanapun, dua penulisan oleh Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha yang ditulis pada tahun yang sama berkenaan dengan korpus ilmu sudah diperbincangkan di bahagian sorotan literatur. Oleh yang demikian, penulisan daripada

Hanita (2011) dan Ngo (2003) didapati tidak hanya tertumpu kepada filem-filem protagonis wanita U-Wei, malah turut membincangkan tentang filem-filem protagonis lelakinya iaitu *Jogho* (1999) dan *Kaki Bakar* (2001). Di samping itu, penulisan-penulisan tersebut juga melakukan kajian terhadap filem-filem Melayu terpilih yang lain.

Hanita (2011) dalam kajiannya yang bertajuk, “*Negotiating melodrama and the Malay woman: Female representation and the melodramatic mode in Malaysian – Malay films from the early 1990s-2009*”, bersandarkan kepada permasalahan tentang filem dalam genre melodrama telah mengalami kecaman hanya kerana tinggi dengan penyampaian sentimen dan emosi dalam elemen naratif. Kajiannya mengaplikasikan analisis teks terhadap filem-filem dalam genre melodrama yang memaparkan dua latar terdiri daripada bandar dan luar bandar terhadap 16 buah filem terpilih arahan U-Wei, Shuhaimi baba, Aziz M. Osman, Yasmin Ahmad dan Osman Ali. Selain fakta-fakta yang diperoleh daripada konteks dan sejarah sosial. Sehubungan dengan itu, kajiannya bersandarkan kepada kerangka analisis yang dikemukakan oleh Gledhill (1988) seperti yang tertulis dalam esainya, *Pleasurable negotiations* iaitu berkenaan asas kepada perundingan budaya adalah wanita yang terhasil daripada teks dan subjek sosial. Seperti yang diperjelaskan oleh pengkaji ini, wanita diperlihatkan dalam dua keadaan sama ada sebagai bebas ataupun mangsa. Dengan itu, dapatan kajian yang diperolehnyanya mendapati bahawa kebanyakan filem-filem Melayu pada awal dekad 1990-an dan 2009 telah menggambarkan wanita yang berfikir bebas. Selain itu, turut juga didapati dalam perundingan peraturan patriarki watak wanita di representasi sebagai individu yang mengutamakan kejujuran, bersikap romantis dan seksual. Pengkaji ini turut mengesahkan bahawa permasalahan yang dihadapi protagonis wanita dalam filem-filem kajiannya, akhirnya telah mendedahkan kepada dimensi perubahan sosial dan sekali gus mentakrifkan semula peranan wanita dalam ekonomi pasaran Malaysia.

Terakhir, Ngo (2003) telah menyempurnakan tesisnya dengan tajuk, “*The construction of sexual difference in the films of U-Wei Haji Saari: A feminist psychoanalytic analysis*” dengan permasalahan kajiannya tentang pengabaian struktur sinematik yang boleh membentuk makna seperti perbezaan seksual dari sudut penyusunan visual. Analisis teks mendalam yang dimulai dari peringkat struktur naratif dan penyusunan

visual telah dilakukan ke atas keempat-empat filem U-Wei iaitu *Perempuan, Isteri & ...*, *Black Widow-Wajah Ayu*, *Jogho* dan *Kaki Bakar*. Selari dengan itu, kajiannya mengaplikasikan teori psikoanalisis dan semiotik antaranya oleh Laura Mulvey (1971) dan Mary Ann Doane (1982) dengan mempertimbangkan konsep-konsep seperti *voyeurism*, *sadism*, *fetishism*, *masquerade* dan *commodity fetishism*. Dengan itu, dapatan kajiannya telah mengesahkan bahawa terdapat beberapa percanggahan makna dari sudut feminis yang dihasilkan dalam teks filem-filem terpilih ini. Pengkaji ini turut mendedahkan bahawa U-Wei tidak memberikan kritikan yang sewajarnya dalam memaparkan imej-imej watak wanitanya sama ada terhadap watak utamanya mahupun sampingan. Dapatan terakhirnya juga menunjukkan bahawa U-Wei tidak membekalkan catatan yang mencukupi dalam pembentukan makna terhadap perbezaan seksual pada setiap watak-watak wanitanya.

KESIMPULAN

Hasil penelitian ke atas analisis dan dapatan kajian menunjukkan bahawa penulisan-penulisan akademik tentang filem-filem protagonis U-Wei mula di dokumentasi sejak tahun 1994 oleh Kartina. Sementara itu, penulisan yang dilaksanakan oleh Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha pula adalah penulisan terakhir setakat Jun 2019. Di antara penulisan pertama dan terkini, terdapat 17 buah penulisan akademik yang lain. Ini bermakna dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, filem-filem protagonis wanita U-Wei tetap diteliti dan diperbincangkan. Sehubungan dengan itu, filem protagonis wanita U-Wei yang paling banyak diperbincangkan dan dikaji adalah pertama; *Perempuan, Isteri & ...* (1993), kedua; *Buai Laju-Laju* (2004) dan penulisan yang mengkaji dua atau lebih filem berprotagonis wanita U-Wei, serta ketiga; filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994). Berdasarkan penelitian terhadap ketiga-tiga filem ini, didapati terdapat sejumlah kerangka analisis sama ada kerangka analisis dalam bidang pengkajian filem mahupun meminjam kerangka analisis daripada bidang yang lain. Hal ini termasuklah teori feminisme, semiotik, psikologi budaya, psikoanalisis feminis, psikoanalisis Lacanian, nasionalisme, performative, fasisme, paradigma *'three act structure'*, model peletakan produk, elemen *mise-en-scene*, *self-construal* dan pendekatan Islam yang bersandarkan al-Quran

dan hadis. Kebanyakan daripada kerangka analisis yang diaplikasikan dalam penulisan-penulisan sebelum ini masih relevan diaplikasikan dalam konteks kajian semasa. Maka, kerangka-kerangka ini merupakan alternatif kepada penyelidik yang akan datang dalam mengaplikasikan kerangka teori yang sedia ada dan dijadikan penentuan dalam pemilihan kerangka analisis yang terbaik. Bukan itu sahaja, ia sesuai diaplikasikan sebagai asas kepada kerangka konsep (*conceptual framework*) dalam merungkaikan masalah yang diteliti.

Oleh yang demikian, kupasan kritis tentang kerangka analisis dalam filem-filem protagonis wanita U-Wei yang telah dilaksanakan ini membantu dalam mengisi jurang ilmu dalam bidang pendidikan. Secara khususnya, ia mampu memperkembangkan lagi kajian akademik dalam bidang perfileman seiring dan seangkatan dengan bidang-bidang lain. Dengan itu, adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberi sumbangan yang begitu signifikan dalam menghasilkan kajian yang logik dan empirikal. Bukan sahaja dalam bidang pengkajian filem, bahkan turut menjadi rujukan silang (*cross-reference*) dalam bidang pengkajian yang lain di Malaysia.

RUJUKAN

- Anon. 2009. Kakak Tua 'jalang' dulu dan 'jalang' sekarang. *Mstar*, 20 November. <http://www.mstar.com.my>. Retrieved on: 1 Mei 2018.
- Anuar Nor Arai. 2007. *Kumpulan Esei dan Kritikan Filem*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Astro Awani. 2014. Di sebalik filem *Perempuan, Isteri & ...* <https://www.youtube.com/watch>. Retrieved on: 1 Mei 2018.
- Azlina Asaari & Jamaluddin Aziz. 2013. Mencabar ideologi maskulin: Wanita dan saka dalam filem seram di Malaysia. *Jurnal Komunikasi* 29(1): 113-126.
- Fatimah Muhd Shukri. 2014. Dramaturgi filem: Peletakan produk dalam naratif filem-filem Melayu dan Hollywood. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan D.N.
- Fatimah Muhd Shukri & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Pengkajian isu negara-bangsa dalam filem Melayu 1997-2015. Kertas kerja di bentangkan di Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar, anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 23-24 Februari, Pulau Pinang.
- Fatimah Muhd Shukri, Nur Afifah Vanitha Abdullah & Nur Azliza Mohd Nor. 2017. Korpus ilmu sinema nasional di Malaysia. Kertas kerja di bentangkan di International Conference on Development,

- Environment and Society, anjuran Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, 16-17 Ogos, Sarawak.
- Fuziah Kartini Hassan Basri & Raja Ahmad Alauddin. 2012. The search for a Malaysian cinema: Between U-Wei, Shuhaimi, Yusof and LPFM. *Asian Cinema* 7(2): 58-73.
- Hanita Mohd. Mokhtar Ritchie. 2011. Negotiating melodrama and the Malay woman: Female representation and the melodramatic mode in Malaysian – Malay films from the early 1990s-2009. Ph.D Thesis, University of Glaslow, United Kingdom.
- Kartina Dollah. 1994. Imej wanita jalang di layar perak: Kajian kes Perempuan, isteri & ...? Arahan U-Wei Haji Saari: Satu pendekatan semiotik dan psikoanalisis. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khoo Gaik Cheng. 1999. Gender, modernity and the nation in Malaysian literature and film (1980s and 1990s). Ph.D Thesis, University of British Columbia Vancouver.
- Khoo Gaik Cheng. 2002. Strangers within the (imagined) community: A study of modern Malay identity in U-Wei Hj. Saari's *Jogho* and Sabri Zain's *Face Off*. *Review of Indonesian and Malaysian Affairs* 36(2): 81-114.
- Khoo Gaik Cheng. 2006. *Reclaiming Adat: Contemporary Malaysian Film and Literature*. Vancouver: University of British Columbia Press.
- Khoo Gaik Cheng. 2010. Gendering old and new Malay through Malaysian auteur filmmaker U-Wei Haji Saari's literary adaptations, *The Arsonist* (1995) and *Swing My Swing High, My Darling* (2004). *South East Asia Research* 18(2): 301-324.
- Lawrence Quek. 1993. P.I. & ...? Bicaranya... *Dewan Budaya*, November.
- Mohd Hafiz Che Othman. 2010. 'Mise-en-scene' dalam filem U-Wei Haji Saari: *Kaki Bakar* dan *Buai Laju-laju*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ngo Sheau Shi. 2003. The construction of sexual difference in the films of U-Wei Haji Saari: A feminist psychoanalytic analysis. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ngo Sheau Shi. 2010. Pembentukan seksualiti dalam filem U-Wei Haji Saari: Satu analisis psikoanalitik feminis terhadap filem *Perempuan, Isteri & ...*. In *Antologi Esei Komunikasi: Teori, Isu dan Amalan*, edited by Azman Azwan Azmawati, Mahyuddin Ahmad, Mustafa Kamal Anuar dan Wang Lay Kim, 105-121. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noor Aida Mahmor & Nasihah Hashim. 2015. Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak *Upin dan Ipin*. *Journal of Education and Social Sciences* 2:137-149.
- Noor Bazura Baharuddin & Abd Ghafar Ibrahim. 2008. Filem *Buai Laju-laju* arahan U-Wei Haji Saari: Satu analisis semiotik. *Jurnal Skrin Malaysia* 5: 55-70.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin. 2017. Faktor kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika* 87(3): 61-73.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Sorotan literatur bangsawan di Malaysia 1960-2017. *Jurnal Melayu* 16(2): 179-190.
- Nur Azliza Mohd Nor, Nur Afifah Vanitha Abdullah, Yusmilayati Yunos & Mohammad Nazri Ahmad. 2016. Seksisme dalam *Black Widow-Wajah Ayu* (1994) arahan U-Wei Haji Saari. Kertas kerja di bentangkan di The Tenth International Malaysian Studies Conference, anjuran Universiti Malaysia Sabah, Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM), IKMAS, FSSK dan KPWKM, 15-17 Ogos, Sabah.
- Nur Azliza Mohd Nor, Nur Afifah Vanitha Abdullah, Yusmilayati Yunos, Mohammad Nazri Ahmad & Fatimah Muhd Shukri. 2017. Pemaparan kognisi dan emosi wanita Melayu U-Wei Haji Saari dalam *Perempuan, Isteri & ...* (1993). Kertas kerja di bentangkan di Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar, anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 23-24 Februari, Pulau Pinang.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Korpus ilmu filem-filem U-Wei Haji Saari. Kertas kerja di bentangkan di International Conference on Development, Environment and Society, anjuran Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, 16-17 Ogos, Sarawak.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Filem sebagai wadah komunikasi: Sorotan kajian lepas karya U-Wei Haji Saari. *Jurnal Melayu Edisi Khas* 304-317.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2018. Self-Construal watak protagonis wanita sebagai seorang anak dalam *Black Widow-Wajah Ayu* (1994). Kertas kerja di bentangkan di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Kali ke-10, anjuran Jabatan bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, 6-7 Februari, Kelantan.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2019. Sisterhood political solidarity dalam *Black Widow-Wajah Ayu* (1994) arahan U-Wei Haji Saari. *Jurnal Melayu* 18(1): 43-57.
- Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha. 2019. Self-construal watak protagonis wanita dalam filem Melayu. *Jurnal Akademika Special Issue* 89(1): 163-174.

- Nur Nafishah Azmi. 2015. Watak wirawati unggul dalam filem Melayu: Kajian kes Tsu Feh Sofiah (1986), Fenomena (1990), dan Perempuan Melayu Terakhir (1999). Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- van der Heide, W. 2002. *Malaysian Cinema, Asian Film: Border Crossings and National Cultures*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Wan Hasmah Wan Teh & Md. Salleh Yaapar. 2015. Pandangan S. Othman Kelantan dan U-Wei Haji Shaari terhadap masyarakat Melayu Kelantan dan Patani: Adaptasi daripada Novel Juara kepada Filem Jogho. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 8(2): 224-244.
- Wan Zawawi Ibrahim. 2003. The search for a 'New Cinema' in post-colonial Malaysia: The films of U-Wei bin Haji Saari as counter-narrations of national identity. *Inter-Asia Cultural Studies* 4(1): 145-154.
- Zawawi Ibrahim. 2004. On Erma Fatima's the Last Malay woman: Gendering discourse on reclaiming Malayness in the new Malaysian cinema. *Screening Southeast Asia* 24(2): 27-38.
- Zawawi Ibrahim. 2009. Contesting 'nation'. Renegotiating identity and multiculturalism in the new Malaysian cinema. Kertas Kerja di bentangkan di Korea-ASEAN Academic Conference on Popular Culture Formations Across East Asia, anjuran ASEAN University Network (AUN) and Korean Association of Southeast Asian Studies (KASEAS), 1-4 Februari, Thailand
- Nur Azliza Mohd Nor
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Malaysia
Email: liza85nor@gmail.com
- Nur Afifah Vanitha Abdullah (corresponding author)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Malaysia
Email: nurafifah@ukm.edu.my

Received: 10 Jun 2018

Accepted: 5 March 2020

